

Pendidikan bantu keluar dari kemiskinan

SINAR 18/2/08 M/S 523

Kerajaan banyak menyediakan peruntukkan untuk program berbentuk pendidikan termasuk penubuhan kelas tabika seperti Tabika Kemas Permata Hati di bawah Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



JAMISAH ABD RAHMAN

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Tabika Kemas Permata Hati ini bukan sahaja memberi pendedahan 3M kepada kanak yang berusia 4, 5 dan 6 tahun, malah memupuk minat untuk belajar dan mengikut jadual pembelajaran bersepadu.

"Melalui program ini, kecemerlangan dan potensi kanak-kanak dapat dipertingkatkan selain mengukuhkan amalan nilai-nilai murni menerusi usaha sistematik, berstruktur dan berterusan.

"Namun, adakah kita sebagai



Noh Omar (tengah) memotong reben sebagai simbolik perasmian Tabika Kemas Permata Hati, di sini.

ibu bapa mengambil berat mengenai masalah pendidikan anak-anak, walhal kita tahu pendidikan itu penting dalam menentukan masa depan anak-anak?

"Kita sedia maklum, pendidikan anak-anak sudah diberikan ketika di dalam perut lagi, melalui kelas-kelas ibu mengandung bagi membuka ruang kepada anak berkenaan mengenali ilmu.

"Saya berharap ibu bapa di sini sentiasa prihatin dan mengutamakan keperluan pendidikan anak-anak dan kerajaan menyediakan bantuan untuk kanka-kanak dari segi kelengkapan pakaian dan bantuan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Tabika Kemas Permata Hati, di sini. Turut hadir, Pegawai Kemas Daerah

Kuala Selangor, Mohd Ruazrol Md Rejab, Ketua Kampung Batu 12 Sungai Burong, Jiat Ehsan dan Guru Tabika Permata Hati, Adibah Sulaiman.

Sementara itu, Penyelia Kanan Kemas Tanjong Karang, Jamisah Abd Rahman menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak ke tabika ini pada usia muda bagi menggalakkan pertumbuhan minda mereka.

■ ARZIANA MOHMAD AZAMAN

PARIT TIGA – Pendidikan merupakan aspek penting yang dapat mengubah kehidupan menjadi lebih baik dan menguasainya adalah satu cara terbaik untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar, kerajaan banyak menyediakan peruntukkan untuk program berbentuk pendidikan termasuk penubuhan kelas tabika seperti Tabika Kemas Permata Hati di bawah Kementerian